



PENDIDIKAN

ARKIB : 01/02/2001

Taraf pengurusan pendidikan negara belum profesional

TARAF pendidikan dan pengurusan pendidikan di negara ini belum mencapai tahap profesional, kata Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Seri Dr. Abdul Shukor Abdullah.

Beliau membandingkan piawaian profesionalisme itu dengan negara maju yang lain.

``Contohnya seperti di Amerika Syarikat (AS), pentadbiran sesebuah sekolah tidak diganggu kerajaan," katanya.

Menurutnya, bagi menaikkan taraf pendidikan, terlebih dahulu taraf pengurusan perlu diperbaiki sehingga mencapai tahap profesional.

``Taraf profesional tersebut masih jauh untuk dicapai sekiranya pihak pengurusan terutamanya di peringkat sekolah tidak berusaha meningkatkan kemahiran mereka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Penyampaian Sijil Kelayakan Profesional Keperluan Kebangsaan (KPKK) dan Diploma-diploma Pengurusan Institut Aminuddin Baki (IAB) di Genting Highlands, Pahang, baru-baru ini.

Dr. Abdul Shukor menyeru guru besar dan pengetua perlu menimba banyak ilmu keperluan bagi membantu mereka mentadbir sekolah dengan lebih baik.

``Peranan mereka (guru besar dan pengetua) adalah besar kerana pendidikan adalah kepentingan awam," ujarinya.

Kata beliau, semua guru besar dan pengetua perlu menunjukkan sikap pengurusan yang profesional di sekolah sebelum menerapkan profesionalisme di kalangan guru-guru bawahannya.

Justeru katanya para pentadbir sekolah digalakkan mengikuti kursus KPKK di IAB ini.

Tambahnya, organisasi sekolah yang berkait rapat dengan pelbagai agenda juga memerlukan tenaga berkualiti terutamanya bagi menzahirkan kehendak-kehendak kurikulum.

``Jika ini berjaya pelajar yang keluar daripada sistem pendidikan kita akan lebih berwatak seacuan dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN)," jelasnya.

Pada majlis tersebut seramai 188 peserta menerima sijil KPKK, 48 peserta menerima Diploma Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan, 40 menerima Diploma Pendidikan Komuniti dan 14 menerima Diploma Latihan dan Pembangunan.

Sementara itu beberapa penerima sijil yang ditemui juga turut berhasrat untuk terus meningkatkan tahap profesionalisme mereka.

Ahmad Awang, 36, dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Johor Bahru berkata, kursus KPKK yang disertainya itu mampu meningkatkan kemahiran pengurusan dalam diri pengetua.

“Apa yang diajar berpandukan realiti pentadbiran sesebuah sekolah,” ujarnya.

Katanya lagi, pengurusan profesional di sekolah boleh membantu memartabatkan lagi profesion perguruan dan meningkatkan pendidikan para pelajar.

Manakala bagi Latip Muhammad, 37, dari SMK Sri Pantai, Kuala Lumpur menganggap kursus yang disertainya itu memberi gambaran sebenar pengurusan sebuah sekolah walaupun hanya secara teori.

Katanya, kursus tersebut dapat membantu bakal pengetua mendapat gambaran awal berbanding pengetua dahulu yang hanya belajar ketika dalam tugas.

“Dulu pengetua belajar setelah dilantik tapi kursus ini memberi pengetahuan lebih awal sebelum kami turun padang,” ujarnya.

Katanya, bagi mereka yang bercita-cita menjadi pengetua memang memerlukan kursus sedemikian supaya tidak terkejut dengan cabaran sebenar seorang pengetua.

Bagi Pengetua SM Bagan Terap Sebagai Besar, Selangor, Rosmah Selamat, 42, kursus kepengetuaan boleh mempercepatkan kenaikan pangkat seseorang kerana mereka mempunyai kemahiran yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan.

“Kursus ini memang berkesan untuk menjadi seorang pengetua.

“Semua rencah dalam tugas seharian pengetua dimuatkan dalam kandungan kursus,” ujarnya.

Ujarnya, sebagai seorang pengetua, dia secara peribadi berpendapat teori dalam kursus tersebut menepati praktikal.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0201&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_04.htm#ixzz2voEFU4IX

© Utusan Melayu (M) Bhd